

UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

[www.facebook.com/library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)[www.instagram.com/ptaruitm](https://www.instagram.com/ptaruitm)[perpustakaanuitm.blogspot.my](http://perpustakaanuitm.blogspot.my)

## LAWATAN RASMI PERSATUAN KONTRAKTOR BUKU MALAYSIA



Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan (JPBP) telah menerima lawatan dan kunjungan hormat daripada ahli exco Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM) pada 15 Jun 2017. Lawatan ini adalah bertujuan untuk membincangkan kaedah pembekalan buku, jurnal dan eBooks di UiTM. Program lawatan ini telah dihadiri oleh Encik Adi Irwan Dato' Hj Azhari selaku Presiden PKBM, Tuan Hj. Shaharudin Ajam, Timbalan Presiden PKBM dan 7 orang ahli PKBM yang terdiri daripada syarikat-syarikat pembekal buku berdaftar. Sesi lawatan dan perbincangan ini telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan, Ketua Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan, Ketua Bahagian Pengurusan Terbitan Bersiri dan Sumber Elektronik dan Pustakawan di Bahagian yang berkenaan.

## PAMERAN HARI PUSTAKAWAN MALAYSIA

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Hari Pustakawan yang disambut setiap 6 Jun di Malaysia adalah sebagai pengiktirafan kepada semua Pustakawan di negara yang menyemarakkan budaya keilmuan dalam Masyarakat Malaysia. Profesyen Pustakawan di Malaysia telah wujud sejak 1922 dan kekal sehingga kini seiring dengan kewujudan perpustakaan. Sempena sambutan Hari Pustakawan pada 6 Jun 2017, satu pameran berkisar tentang Pustakawan diadakan sepanjang bulan Jun 2017 di Galeri Perpustakaan Tun Abdul Razak Shah Alam. Antara intipati pameran tersebut adalah:



1. Buku, bibliografi tesis dan artikel berkaitan Pustakawan di dalam koleksi Perpustakaan Tun Abdul Razak.
2. Mengenali beberapa tokoh Pustakawan
  - a) Tokoh Pustakawan di Malaysia yang telah memenangi anugerah di dalam dan luar negara
  - b) Tokoh Pustakawan luar negara
3. Berita Hari Pustakawan
4. Ketua-Ketua Pustakawan Perpustakaan UiTM
5. Pengurusan Perpustakaan UiTM



Pameran ini akan berlangsung selama sebulan iaitu dari 5 Jun hingga 30 Jun 2017.




## AUDIT 5S @ PTAR

Oleh : Puan Adlina Abdullah

Amalan Persekutuan Berkualiti (5S) adalah penting untuk diterapkan di dalam sesebuah organisasi. Antara langkah praktikal untuk memastikan amalannya menjadi budaya kerja adalah melalui audit 5S. Tahap pencapaian amalan ini dapat diukur melalui Audit 5S yang akan dijalankan sebanyak 4 kali pada tahun 2017 iaitu pada bulan Jun, Ogos, Oktober dan Disember. Pada 19-20 Jun 2017, audit 5S telah dijalani di PTAR Utama, Perpustakaan Undang-Undang, Perpustakaan Kejuruteraan, Perpustakaan Sains & Teknologi dan Perpustakaan Alam Bina. Audit Bil 1/2017 menfokuskan kepada:

1. Dokumentasi & Sudut 5S
2. Ruang Kerja Staf & Kaunter



## CERAMAH PELAKSANAAN AUDIT DALAM PERINGKAT UNIVERSITI

Oleh : Puan Aznur Umiza Abu Kassim

Bagi tujuan penambahbaikan proses audit dalam, Bahagian Pengurusan Kualiti telah menganjurkan Ceramah Pelaksanaan Audit Dalam Peringkat Universiti pada 2 Jun 2017. Ini merupakan rentetan dari Bengkel Pemantapan Auditor Dalam yang telah diadakan pada 26 Mei 2017 yang lepas. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Puan Hairani Wahab, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Maklumat yang bertindak sebagai Ketua Sistem Audit Dalam UiTM. Beliau telah berkongsi ilmu mengenai Dasar Jaminan & Pengukuhan Kualiti, Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu, Audit Pendekatan Proses dan Pelaporan Audit iQMS. Hasil ceramah ini telah meningkatkan pengetahuan auditor dalam untuk penambahbaikan proses dan laporan audit dalam.



## LATIHAN INDUSTRI @ PTAR

Oleh: En. Nik Lokman Nik Ismail

Seramai tujuh (7) orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan dan Pengurusan Pusat Sumber, Fakulti Pengurusan Maklumat daripada Kampus Puncak Perdana dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah telah menjalani Latihan Industri di PTAR dari 01 Februari 2017 hingga 30 Jun 2017. Kesemua pelajar ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan agar setiap orang daripada mereka akan dapat mempelajari, memahami dan mengetahui dengan lebih terperinci akan setiap pengurusan dan perkhidmatan yang ada dan ditawarkan oleh PTAR kepada pengguna perpustakaan.



### Senarai nama pelajar berikut adalah :

1. Wan Harihazma binti Wan Hussain (UiTM Kedah)
2. Siti Noorain binti Che Seman (UiTM Kedah)
3. Nur Azreen binti Mohamad Rusli (Kampus Puncak Perdana)
4. Nurhanis binti Muhammad Turman (Kampus Puncak Perdana)
5. Nurul Syazalina binti Mohd Yusnal (Kampus Puncak Perdana)
6. Nurizatul Ashikin binti Zulkufli (Kampus Puncak Perdana)
7. Siti Firhanum binti Mohamad Marji (Kampus Puncak Perdana)

Setelah hampir 5 bulan menimba pengalaman di PTAR, setiap pelajar ini dikehendaki untuk membentangkan projek yang diserahkan oleh jabatan-jabatan tertentu untuk mereka siapkan dalam satu sesi pembentangan kepada pihak pengurusan. Pembentangan ini telah dilaksanakan di Bilik Seminar PTAR pada 20 Jun 2017. Antara topik pembentangan yang dibentangkan adalah **Smart Library Management System (House of Library)** dan **Shoprany : Penjanaan Pendapatan PTAR**.

## PROGRAM BUBUR LAMBUK PTAR 2017

Oleh : Puan Adlina Abdullah



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan **Program Bubur Lambuk PTAR 2017** di perkarangan Foyer PTAR Utama pada 7 Jun 2017. Program memasak bubur lambuk merupakan program tahunan PTAR yang bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim serta memupuk semangat bekerjasama dikalangan kakitangan PTAR. Program bermula pada pukul 8.00 pagi dengan pelbagai persiapan untuk memasak dilakukan. Sebanyak 500 bekas bubur lambuk telah dapat disediakan. Majlis pengagihan dan penyerahan bubur lambuk telah dilakukan oleh Ketua Pustakawan UiTM, En Noor Hidayat bin Adnan pada 1.00 petang kepada warga PTAR. Penyerahan turut diberikan kepada wakil Jabatan yang dan wakil Perpustakaan Fakulti.



## MAJLIS PELANCARAN BUKU PENGURUSAN PUSAT SUMBER

Oleh: En. Mohd Aizat Abd Halim

Pada 6 Jun 2017 telah berlangsung Majlis Pelancaran Buku Pengurusan Pusat Sumber yang merupakan hasil penulisan pensyarah-pensyarah Program Pengurusan Pusat Sumber dari Fakulti Pengurusan Maklumat bertempat di PTAR Kampus Puncak Perdana. Majlis ini merupakan program pertama yang dihadiri oleh Dekan FPM yang baru iaitu YBhg. Profesor Dr. Sohaimi bin Zakaria. Sebanyak 3 buah buku telah dirasmikan oleh Dr. Qhamariah binti Samu, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Kuala Lumpur iaitu *Passion For Books: A Journey to the World of Books and Books Lovers- A Cultural Perspective*, *Pusat Sumber Maklumat dalam Era Digital* dan *Transformasi Pusat Sumber Sekolah pada Alaf Baru*. Pada majlis ini, PTAR turut menerima sumbangan buku-buku tersebut untuk dimasukkan ke dalam koleksi perpustakaan.



## SESI LATIHAN ENDNOTE

Oleh : Cik Wan Rohani Wan Chin

Pada 5hb Jun 2017, pihak perpustakaan telah mengadakan sesi latihan Endnote X8 bagi memenuhi permintaan pensyarah perubatan dan pelajar siswazah/master. Sesi berjalan dengan lancar bertempat di Makmal Komputer, Bangunan Akademik Kampus.



## PAMERAN BUKU-BUKU AGAMA

Bersempena bulan Ramadhan yang mulia, pihak perpustakaan telah mengadakan pameran buku-buku agama yang menarik untuk bacaan para pengunjung perpustakaan. Poster dan maklumat keagamaan mengenai bulan yang mulia dipamerkan bagi tujuan perkongsian maklumat.



## PROMOSI: RAMADHAN PICK & READ

Aktiviti Ramadhan Pick & Read telah diadakan bagi menggalakkan pelajar dan staf untuk meminjam, membaca dan mengulas bahan-bahan bacaan berkaitan keagamaan. Seramai empat (4) orang pemenang telah dipilih dan hadiah disampaikan pada 20hb Jun 2017 sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri.

**Hafidah Basaruddin (Staf)**

Admin & Human Resource

**Siti Nur Amira Jamaludin (Pelajar)**

Fac. Of Medicine

**Nawal Akilah Ahmad Nasarudin (Pelajar)**

Fac. Of Medicine

**Nur Husna Mohd Anuar (Pelajar)**

Fac. Of Medicine



## AGIHAN KURMA KEPADA PELANGGAN PERPUSTAKAAN SEMPENA RAMADAN

Oleh: En. Rodi b. Daud

Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan telah mengagihkan kurma buat pengunjungnya sempena sepanjang minggu kedua bulan ramadhan yang mulia. Pengunjung perpustakaan yang bertuah mendapat satu bekas kurma yang diagihkan di ruang bacaan perpustakaan baharu dan lama. Agihan kurma tersebut telah disempurnakan dengan kerjasama daripada Jawatankuasa Tazkirah Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan.



## SUMBANGAN KEPADA RUMAH ANAK YATIM HEMBUSAN KASIH ARAU PERLIS

Pada 8 Jun 2017, majlis penyerahan sumbangan Ramadan oleh pihak Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan UiTM Perlis kepada penghuni Rumah Hembusan Kasih Arau telah disempurnakan oleh Ketua Perpustakaan. Sumbangan ini merupakan hasil kutipan derma dari staf perpustakaan dan juga staf dari bahagian lain di UiTM Perlis. Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada semua.



# MENYUSURI KHAZANAH ILMU PTA 2017 BERTEMAKAN “WARGA BERMAKLUMAT PENCETUS IDEA INOVASI”

Oleh: Puan Nordelina Zulkarnain

Program Menyusuri Khazanah Ilmu PTA 2017 bertemakan “**Warga Bermaklumat Pencetus Idea Inovasi**” adalah program kerjasama di antara Perpustakaan Tengku Anis dengan pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK). Program ini telah berlangsung selama dua hari di Perpustakaan Tengku Anis. Seramai lebih kurang 500 orang pelajar terlibat di dalam program ini. Seramai sembilan orang pelajar praktikal bersama-sama dengan kakitangan PTA telah terlibat dalam program ini. Tujuan utama program ini diadakan sebagai satu usaha untuk mempromosi perkhidmatan dan koleksi yang disediakan oleh PTA mahupun PPAK agar warga UiTMCK dapat menggunakan segala perkhidmatan yang disediakan bagi memperkasakan pengetahuan dan membantu mereka dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) serta penyelidikan. Selain itu, program ini dapat membantu warga UiTM cawangan Machang khususnya untuk meningkatkan pengetahuan dunia maya selaras visi TN50 iaitu melahirkan generasi celik digital.



Mesyuarat sempena Program Menyusuri Khazanah Ilmu PTA 2017



Aktiviti sepanjang program



# PROGRAM "LIBRARY TOUR AND LIBRARY ORIENTATION" DAN KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT BAGI SUBJEK UED102

Oleh: Puan Nordelina Zulkarnain

Pihak Perpustakaan Tengku Anis telah mengendalikan "**library tour and library orientation**" beserta Kelas Kemahiran Maklumat kepada seramai 1371 pelajar semester 1/ interim di bawah subjek Study Skills kod program UED 102. Program ini telah dikendalikan oleh Pustakawan Kanan, Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan serta dibantu oleh 6 orang pelajar latihan praktikal. Program ini dijalankan bermula 18 Jun sehingga 21 Jun melibatkan 3 sesi pada satu hari yang ditetapkan mengikut kod program. Program ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada bahagian HEA UiTM Cawangan Kelantan dan kehadiran para pelajar ke program ini adalah sangat baik.



## PAMERAN AIDILFITRI

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Pada 16 Jun 2017 yang lalu, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menghasilkan Pameran Aidilfitri yang bertemakan suasana berhari raya di kampung. Inisiatif ini telah dilaksanakan oleh pihak perpustakaan bagi meraikan Syawal yang bakal tiba. Para pengunjung pameran juga boleh menyampaikan ucapan di Ruang '**Sampaikan Salam Aidilfitri**' yang disediakan di tepi pameran. Pameran ini dijangka akan berakhir pada 24 Julai 2017 bersamaan 30 Syawal 1438 H.



## INISIATIF KHAS AIDILFITRI - SUMBANGAN RAYA

Pada 20 Jun 2017, atas inisiatif khas Pihak Perpustakaan UiTM Kampus Jasin, Syarikat Teraju Elektro Engineering telah berbesar hati memberi sedikit Sumbangan Raya kepada para pelajar UiTM Jasin. Kira-kira 150 orang pelajar yang telah menerima sumbangan tersebut. Sesi penyerahan sumbangan telah dilaksanakan semasa Majlis Penutup Khatam Quran/Quran Hour yang dianjurkan oleh pihak ACIS UiTM Kampus Jasin. Penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh wakil syarikat iaitu Puan Yasida Mohd Yatim dan En Khairi Ibrahim bersama-sama dengan Prof. Madya Zakaria Tajuddin. Perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Syarikat Teraju Elektro Engineering yang telah memberikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Semoga amalan mulia seperti ini dapat diteruskan lagi di masa yang akan datang.



## PROGRAM #QURANHOUR DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI 2017

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman



Pada 19 Jun 2017 ( Isnin ) yang lalu Perpustakaan Al-Bukhari dan Bahagian Hal Ehwal Islam (ACIS) UiTM Cawangan Pahang dengan kerjasama Perpustakaan Awam Jengka turut dibantu oleh Pelajar Latihan Industri dari Fakulti Pengajian Maklumat UiTM Kampus Merbok, Kedah telah berjaya melaksanakan **Program #QuranHour : Satu Jam Bersama Al-Quran** yang dihadiri oleh hampir lebih daripada 300 orang peserta pelajar serta staf UiTM Cawangan Pahang. Program telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazip Bin Suratman, Rektor UiTM Cawangan Pahang. Dua lokasi program dijalankan serentak dan mendapat sambutan yang memberansangkan oleh warga UiTM Cawangan Pahang kerana promosi yang dijalankan dengan meluas oleh semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



# MAJLIS MERAIKAN KENAIKAN PANGKAT & PERTUKARAN KAMPUS STAF PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 14 Jun 2017, Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) mengadakan Majlis Meraikan Kenaikan Pangkat En. Norhalzan Bin Nordin sebagai Timbalan Ketua Pustakawan (S48) dan pertukaran beliau ke PTAR Utama, Kampus Shah Alam. Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) mengucapkan tahniah atas sumbangan yang telah diberikan kepada PAB sepanjang bertugas di UiTM Cawangan Pahang. Selamat bertugas di tempat baharu. Jasamu sentiasa dikenang.



## SUMBANGAN BUKU WAKAF KEPADA PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UiTM CAWANGAN PAHANG



Pada 8 Jun 2017 yang lalu satu Majlis Penyerahan Buku Wakaf/Sumbangan telah diadakan di PAB. Penyerahan dibuat oleh YBhg. Prof Dr Jamaludin Bin Kasim, mantan Rektor UiTM Cawangan Pahang kepada Perpustakaan Al-Bukhari agar bahan-bahan tersebut dapat digunakan dan dirujuk secara berterusan oleh warga kampus. Pihak perpustakaan juga telah menyediakan kotak wakaf buku yang ditempatkan bersebelahan bilik rehat pensyarah bagi tujuan buku yang ingin di wakafkan kepada Perpustakaan Al-Bukhari.



# PROGRAM TAZKIRAH BULAN RAMADAN: KITAB IHYA ULUMUDDIN DI PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 16 Jun 2017 yang lalu, satu Program Tazkirah Bulan Ramadan dari Kitab Ihya Ulumuddin yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Ustaz Abdul Mutalib Bin Jamil. Tazkirah yang disampaikan adalah dipetik daripada Kitab Ihya Ulumuddin yang bertajuk Adab Dalam Menghidangkan Makanan kepada Tetamu. Program dihadiri melebihi 30 orang peserta dikalangan pelajar juga staf UiTM Cawangan Pahang.



## MAJLISIFTAR PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI, UITM CAWANGAN PAHANG

Pada 14 Jun 2017 yang lalu Majlis Iftar Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) telah diadakan di perkarangan sudut bacaan 24 jam merangkap Majlis Perpisahan En. Norhazlan Bin Nordin yang akan berpindah ke PTAR 1 Shah Alam pada 16 Jun 2017. Majlis juga dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Prof. Dr. Mohd Nazip Bin Suratman Rektor UiTM Cawangan Pahang diiringi oleh En. Mohd Ehsan Bin Amin, Timbalan Pendaftar bersama-sama dengan ahli keluarga warga Perpustakaan Al-Bukhari.

Sedikit cenderahati telah disampaikan oleh YBhg. Rektor kepada En.Norhazlan atas sumbangan yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di UiTM Cawangan Pahang selama 16 tahun.



# MAJLIS ZIARAH KASIH DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI BERSAMA PERSATUAN PEWANI, UITM CAWANGAN PAHANG

Oleh : Puan Norfitriah Bt Mat Seman

Pada 20 Jun 2017 yang lalu, telah diadakan satu Majlis Ziarah Kasih dan Penyampaian sumbangan kepada adik Mikhail yang mengalami masalah usus terkeluar di Jengka 9. Penyampaian sumbangan disampaikan oleh YBhg.Prof Dr Mohd Nazip Suratman, Rektor UiTM Cawangan Pahang dan turut disaksikan ahli jawatankuasa Persatuan PEWANI UiTM. Semoga sumbangan daripada pengguna Perpustakaan Al-Bukhari serta ahli Persatuan PEWANI dapat meringankan beban keluarga adik Mikhail menjelang Syawal yang bakal tiba.



# LAWATAN PENSYARAH FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN UiTM TERENGGANU (Siri 1)

Oleh : Cik Asmahani Abdullah

Pada 8 Jun 2017, Khamis yang lalu, seramai 22 orang pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan (FPHP) UiTM Cawangan Terengganu, telah menyertai lawatan ke Perpustakaan Cendekiawan. Lawatan yang merupakan inisiatif fakulti FPHP ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah berkenaan perkhidmatan, kemudahan dan sumber-sumber yang ditawarkan oleh Perpustakaan Cendekiawan bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Antara modul yang dijalankan dalam program lawatan ini ialah Sesi Library House Tour yang melibatkan penerangan dari semua ketua unit utama perpustakaan, Taklimat & Kuiz Penggunaan Pangkalan Data Perpustakaan UiTM oleh Cik Asmahani Abdullah (Pustakawan Rujukan) dan Bengkel Asas Perisian Mendeley oleh En. Shahrol Nizam Johol (Timbalan Ketua Pustakawan). Secara keseluruhannya, Lawatan Pensyarah FPHP Siri 1 yang bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang ini telah mendapat maklumbalas yang positif daripada semua peserta yang hadir. Syabas kepada semua yang terlibat.



## PROGRAM IHYA @ TADARUS AL-QURAN SEMPENA IHTIFAL RAMADAN KAREEM

Oleh: Cik Marlia Yuming



Staf perpustakaan UiTM Sabah telah menyertai program Ihya @ Tadarus Al-Quran yang diadakan setiap hari Selasa dan Rabu bertempat di Bilik Mesyuarat Perpustakaan sempena Ihtifal Ramadan Kareem.

## PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK KEPADA STAF PERPUSTAKAAN SEMPENA PROGRAM GOTONG-ROYONG



Pada 22 Jun 2017, seramai 2 orang staf mewakili Perpustakaan UiTM Sabah dalam penyediaan Bubur Lambuk tersebut. Program ini selain bertujuan merapatkan ukhwah di antara staf-staf UiTM Sabah, ia juga bertujuan beramal sambil bersedekah sempena bulan Ramadhan yang mulia ini.

## MAJLIS BERBUKA PUASA PTAR 2017

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Bertempat di ruang bacaan tingkat bawah Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak Kampus 2, satu majlis berbuka puasa dan solat maghrib berjemaah anjuran oleh Kelab Kebajikan Dan Rekreasi PTAR Sarawak telah diadakan pada 9 Jun 2017. Majlis yang bermula pada jam 6.00 petang telah dipengerusikan oleh En. Mohd Ismail Bolia selaku Presiden Kelab. Program dimulai dengan bacaan yasin dan tahlil. Setelah itu, staf dan tetamu jemputan berbuka puasa dengan sedikit jamuan ringan seperti kurma dan kuih-muih. Selesai berbuka program diteruskan dengan solat maghrib berjemaah dan selesai solat program diteruskan kembali menjamu selera. Selepas majlis menjamu selera, program diteruskan dengan solat isyak berjemaah. Program ini berjalan lancar dengan semua staf terlibat dan bersama keluarga masing-masing sebagai tetamu jemputan.



## MINGGU INTERIM BAGI PELAJAR DIPLOMA

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Minit mesyuarat Senat ke 208 Pekeliling Akademik Bil 2/2017 telah memutuskan untuk mengadakan Minggu Interim bagi pelajar Diploma UiTM. Minggu Interim ialah minggu perkuliahan sebelum minggu kuliah pada sesi pengajian biasa bermula. Untuk sesi kali ini semua pelajar Diploma Semester 1 (sepenuh masa) Sesi 1 Jun – Julai 2017 perlu menjalani Minggu Interim dan ia dijalankan selama 7 minggu perkuliahan. Minggu Interim ini dilaksanakan bagi tujuan menghasilkan Hasilan Pembelajaran (Learning Outcome) kepada peningkatan kemahiran insaniah pelajar dengan lebih berkesan. Slot bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah dijadualkan berlangsung pada 12 hingga 16 Jun 2017 yang lalu.



## PROGRAM SEDEQAH RAMADHAN PTAR 2017

Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah mengadakan Program Sedeqah PTAR 2017. Program ini adalah bertujuan untuk membantu golongan kurang berkemampuan di sekitar Kota Samarahan. Sumbangan sedekah daripada staf dan pelajar telah dikumpul di PTAR pada awal bulan Ramadan yang lalu. Program ini mendapat sambutan yang baik daripada warga UiTM Sarawak. Hasil sumbangan telah dihantar kepada keluarga kurang berkemampuan yang terpilih disekitar kampung Kota Samarahan pada 19 Jun 2017 yang lalu. Terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memberi sumbangan.




## PHOTOSHOT RAYA PTAR 2017

Oleh: Puan Zuraida Abdul Karim

Bulan Ramadahan bulan mulia  
Disambut dengan penuh gembira  
Kini Syawal menjelma tiba  
Tangan ku hulurkan maaf dipinta

Tulus Iklhas daripada  
PTAR UiTM Sarawak



## PROGRAM "JOM MASAK" PTAR 2017 DENGAN KERJASAMA ACIS KAMPUS KUALA PILAH

Oleh: Encik Iskandar Zailan

Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah menganjurkan program "Jom Masak" PTAR 2017 dengan kerjasama ACIS Kampus Kuala Pilah pada 13 Jun 2017 bersempena dengan bulan Ramadhan 1438H. Program "Jom Masak" yang diadakan secara gotong-royong ini memilih nasi minyak sebagai juadah berbuka puasa untuk diagihkan kepada para pelajar di Kampus Kuala Pilah.



## SESI TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SEMPENA MINGGU INTERIM UNTUK PELAJAR BARU DIPLOMA SESI 2017

Pada 19 Jun sehingga 22 Jun 2017, UiTM Cawangan Kuala Pilah telah menjalankan Minggu Interim kepada pelajar baharu, iaitu minggu perkuliahan sebelum sesi kuliah pada sesi pengajian biasa bermula. Minggu Interim dilaksanakan bagi tujuan menghasilkan hasilan pembelajaran (learning outcome) kepada peningkatan kemahiran insaniah pelajar dengan lebih berkesan. Salah satu modul pembelajaran adalah pengenalan kepada perpustakaan. Pihak PTAR telah menyampaikan maklumat tentang pengenalan kepada perpustakaan dan perkhidmatan yang ada di perpustakaan. Modul pengenalan perpustakaan ini disampaikan oleh Puan Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan dan En Rusedzwan Mohd Idris, Pembantu Pustakawan PTAR Kampus Kuala Pilah.



## SESI PENYERAHAN BUKU-BUKU DI PERPUSTAKAAN MINI "PUSTAKA IMAM AL GHAZALI", DARUL ASNAF TANJONG IPOH

Oleh: Encik Iskandar Zailan

Pada 19 Jun 2017, PTAR Kampus Kuala Pilah telah menyerahkan buku-buku sumbangan kepada Perpustakaan Mini Pustaka Imam Al Ghazali Darul Asnaf Tanjong Ipoh Kuala Pilah. Buku-buku ini adalah hasil kutipan dari kempen derma buku yang dilaksanakan oleh PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Penyerahan buku-buku sumbangan ini disampaikan oleh Puan Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan kepada Ustaz Nasrullah penyelaras Darul Asnaf Tanjong Ipoh Kuala Pilah. Turut diadakan sesi pengenalan kepada sistem perpustakaan yang dibangunkan oleh pelajar praktikal PTAR Cik Norasyikin Roslan dan Cik Nazifah Malik untuk kemudahan perpustakaan mini tersebut.



## SALAM PERPISAHAN KEPADA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

PTAR Kampus Kuala Pilah mengucapkan salam perpisahan kepada 2 pelajar latihan industri iaitu Cik Norasyikin Roslan daripada Falkulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah Kampus Merbok dan Cik Nazifah Malik daripada Falkulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana yang menjalani latihan industri dari 01 Februari 2017 hingga 23 Jun 2017. Pihak PTAR Kampus Kuala Pilah telah memberi cenderahati yang telah disampaikan oleh Puan Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan .Kami warga kerja PTAR Kampus Kuala Pilah mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan semasa latihan industri dan semoga terus berjaya.

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS KUALA PILAH

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
KAMPUS KUALA PILAH



## SALAM AIDILFITRI 1438H DARIPADA WARGA KERJA PTAR CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Oleh: Encik Iskandar Zailan



Cahaya Ramadhan berlalu pergi,  
Menyambut tibanya Aidilfitri,  
Ampun Maaf segala peri,  
Semoga ikatan kekal dihati,  
Selamat Hari Raya maaf zahir batin

Bersempena syawal yang mendatang pada tahun ini, Kami warga kerja Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri 1438H dan memohon ampun maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UiTM.

## TAKLIMAT PERPUSTAKAAN KEPADA PELAJAR BAHARU

Pada 24 Mei 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Kuala Pilah telah mengadakan taklimat perpustakaan kepada pelajar baharu di Bilik Seminar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Seramai 276 orang pelajar telah hadir ke sesi taklimat tersebut telah disampaikan oleh En. Mohd Rusedzwan bin Mohd. Idris, Pembantu Pustakawan, PTAR, Kampus Kuala Pilah dan dibantu oleh 2 orang pelajar latihan industri, PTAR, Kampus Kuala Pilah.



## TAKLIMAT PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, KAMPUS REMBAU


Oleh: Cik Siti Hajar Binti Zambri

Pada 7 dan 9 Jun, telah berlangsungnya taklimat Perpustakaan kepada para pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat. Tujuan taklimat ini dijalankan adalah untuk membantu pelajar didalam menyiapkan tugas. Taklimat perpustakaan ini juga telah dihadiri oleh En Mohd Ridzwan bin Ibrahim, Pensyarah. Taklimat disampaikan oleh Pustakawan PTAR Kampus Kuala Pilah, Cik Nor Azrina Kasim.



## PROGRAM MOH WAGHIH KAMPUS REMBAU

Pada 16 Jun yang lalu telah berlangsungnya program "Moh Waghih" di Kampus Rembau. Program ini adalah program khidmat masyarakat bagi Kampus Rembau dan ia telah disertai oleh warga UiTM Kampus Rembau. Ini adalah program kali kedua dengan pengisian aktiviti Ramadhan bertemakan 'Menyusur Akar Ramadan, #JomBeramal'.



Sumbangan boleh diberikan dalam bentuk wang ringgit (Tunai) RM10 atau barang keperluan harian/makanan seperti berikut:

Beras, Minyak, tepung, Gula, Kicap, Cili Kering, Milo, Susu, Kordial, Kuih Raya, Telekung, Pakuan hanan dan barang-barang keperluan lain sekitarnya ada.

### AJIK SUMBANGAN

Puan Wan Admira (Ext.2204)

Dr Mastah (Ext.2177)

Puan Sri Sari (Ext.2182)

Puan Nur Zahira (Ext.2090)

Tarikh kutipan sumbangan:

1 Jun – 12 Jun 2017

Masa: 8.00 pagi - 5.00 petang

Tempat: Level 1 - Bilik Mesyuarat (Pentadbiran)

Tarikh Penyerahan Sumbangan:

16 Jun 2017 (Jumat)

Masa: 9.00 pagi – 11.30 Tghari

Tempat: 30 keluarga Asraf yang dikenalpasti sekitar Rembau

\*\* TARikh AKHIR KUTIPAN SUMBANGAN: 12 Jun 2017

Sumbangan adalah WAJIB terhadap semua staf Kampus

Rembau. Bagi pelajar sumbangan adalah DILULU ALUKAN

dan mesru KPF masing-masing



## TAKLIMAT PERPUSTAKAAN BAGI PELAJAR INTERIM 2017, KAMPUS REMBAU

Oleh: Cik Siti Hajar Binti Zambri

Pada 19 sehingga 21 Jun 2017, telah berlangsungnya sesi taklimat bersama-sama pelajar Diploma sesi Interim 2017 Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) dan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (FKPM). Seramai 128 orang pelajar terlibat di dalam taklimat Interim ini yang telah disampaikan oleh Pustakawan, Cik Azrina Kassim dan dibantu oleh Pembantu Pustakawan PTAR Rembau. Sesi yang berlangsung selama dua jam diteruskan lagi dengan *library tour* bagi memastikan para pelajar memahami dan mengenali kemudahan yang telah disediakan.



# TAKLIMAT PERPUSTAKAAN BAGI PELAJAR DIPLOMA SESI INTERIM KAMPUS SEREMBAN

Oleh: Cik Siti Hajar Binti Zambri

Pada 19 dan 20 Jun 2017 yang lalu telah berlangsungnya taklimat perpustakaan bagi pelajar interim diploma Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), Fakulti Sukan & Rekreasi (FSR), dan Fakulti Komputer & Matematik (FSKM) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Sesi taklimat dan *library tour* ini telah dijalankan selama 2 jam bagi setiap kelas. Pelbagai input mengenai perpustakaan telah diberikan kepada para pelajar.



## PROGRAM BUBUR LAMBUK RAMADHAN KAREEM

Pada 9 Jun 2017, satu program Bubur Lambuk Ramadhan Kareem di PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban telah diadakan yang disertai oleh semua warga PTAR Kampus Seremban. Program yang julung kali diadakan di PTAR Kampus Seremban adalah bertujuan untuk membentuk satu tautan ukhwah sesama staf PTAR Kampus Seremban. Pengagihan bubur lambuk ini telah dilaksanakan selepas usai solat jumaat di Pusat Islam Kampus Seremban.



## SELAMAT DATANG KE PTDI : MODUL UED102

Oleh: Puan Siti Rozana binti Mat Sanat

Library tour, Library Scavenger Hunt, WebOPAC, WebInfoLine, Online Databases, Digital Collection, exploring the PTDI website, itulah antara modul yang telah diberikan kepada para pelajar semester 1 bagi kod UED102. Sesi tersebut adalah di bawah kelolaan Unit Perkhidmatan Maklumat yang mana Pn. Mawar Noor binti Abdul-Lah sebagai Ketua Unit memberi penerangan kepada para pelajar dengan dibantu oleh Pustakawan Kanan. Library Scavenger Hunt adalah salah satu aktiviti yang memberikan pengalaman dan pengetahuan secara langsung, bilamana aktiviti tersebut memerlukan para pelajar menyiapkan tugas yang diberikan. Soalan-soalan yang perlu dijawab memerlukan para pelajar mencari maklumat di setiap ruang dan mengenalpasti perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan di perpustakaan.



Kehadiran seramai 561 orang pelajar semester 1 pada bulan Jun dan 174 orang pada bulan Julai ini membuatkan suasana perpustakaan bertambah meriah dan mereka juga telah melibatkan diri dengan penuh semangat. Jumlah keseluruhan yang terlibat adalah seramai 735 orang sehingga 3 Julai 2017. Adalah diharapkan dengan adanya program tersebut, akan dapat meningkatkan kemahiran para pelajar untuk mengakses maklumat dan memanfaatkan sepenuhnya perpustakaan sebagai sebuah pusat pembelajaran di Universiti. Penerapan dan penghayatan cintakan ilmu ini memerlukan sokongan semua pihak dan diharap perpustakaan akan kekal relevan sepanjang hayat. Selamat maju jaya buat semua pelajar semester 1 dan tidak lupa buat semua mahasiswa serta mahasiswi UiTM Cawangan Johor.



## AKTIVITI DEKORASI RAYA

Oleh: Puan Atirah Ruslan



Sempena memeriahkan sambutan Hari Raya Aidilfitri 1438H, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan satu aktiviti dekorasi raya di sudut pameran aras 1 perpustakaan. Aktiviti dekorasi raya telah melibatkan kerjasama semua kakitangan Perpustakaan. Suasana aras 1 perpustakaan telah menjadi ceria dan indah dengan dekorasi raya berkenaan. Ramai pengguna Perpustakaan telah mengambil kesempatan untuk bergambar di ruang dekorasi raya berkenaan.



# TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH KEPADA PELAJAR-PELAJAR BAHARU INTERIM SESI 1/2017 (KULIAH UED 102)

Oleh: Puan Atirah Ruslan

Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah terlibat untuk memberikan taklimat Perpustakaan kepada para pelajar baharu Interim Sesi 1/2017. Taklimat Perpustakaan ini merupakan salah satu modul yang terkandung di dalam Study Skill UED 102. Taklimat Perpustakaan Sultan Badlishah telah berlangsung mulai 18 Jun 2017 sehingga 22 Jun 2017 mengikut ketetapan jadual pelaksanaan yang telah disediakan oleh Penyelaras Kursus UED 102. Taklimat ini berlangsung di Dewan Sarjana, UiTM Cawangan Kedah dan melibatkan sejumlah 1,004 pelajar baharu interim.

